



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802



9772811380008

MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI

SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFEKTIF

NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI, SYAZLIANA KASIM & SUTINA JUNOS

Rentetan dari melaksanakan program komuniti pada tahun 2020 dan 2021, Seminar Pengurusan Kewangan yang Efektif ini telah dibuat. Program komuniti yang dibuat pada tahun 2020 dan 2021 adalah seminar yang lebih ke arah teknik-teknik pemasaran digital. Program komuniti ini adalah usaha yang dibuat fakulti bagi membantu usahawan kecil dan sederhana di sekitar daerah Rembau. Berdasarkan daripada maklumbalas yang diterima oleh peserta program yang lepas, kebanyakan peserta memerlukan seminar yang menfokuskan kepada aspek kewangan di dalam sebuah perniagaan. Program ini dilaksanakan pada tanggal 27 September 2022, yang mana ia dijalankan secara bersemuka di bilik TEC 4, di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Program ini bermula pada pukul 8.30 pagi dan berakhir pada pukul 5 petang. Program ini telah dibahagikan kepada dua segmen. Segmen yang pertama, peserta diperkenalkan kepada Asas Perakaunan bagi perniagaan. Segmen tersebut telah disampaikan oleh Puan Syazliana Kasim manakala segmen yang kedua, peserta diperkenalkan tentang keperluan Analisa Kewangan Perniagaan yang disampaikan oleh Puan Noor Azillah Mohamad Ali.

Aspek kewangan ini dipilih sebagai satu program kerana fakulti merasakan terlalu banyak program di pasaran yang lebih memfokuskan kepada aspek pemasaran. Kewangan adalah kunci kepada kejayaan sebuah perniagaan. Apabila kewangan tidak diurus dengan baik maka implikasinya kepada organisasi perniagaan secara keseluruhan. Oleh kerana itu, setiap usahawan sepatutnya memberikan penekanan yang lebih kepada aspek kewangan. Ada sesetengah usahawan yang mengambil mudah nadi utama perniagaan ini.



Dalam membantu golongan usahawan di sekitar daerah Rembau untuk menimba ilmu tentang perakaunan dan kewangan maka lahirlah program khidmat masyarakat ini. Antara objektif program ini adalah untuk: -

1. Memberi pengenalan dan pendedahan kepada para usahawan dan bakal usahawan tentang kepentingan memahami asas perakaunan di dalam sebuah perniagaan.
2. Mendedahkan kepada peserta tentang asas pengurusan aliran tunai perniagaan.
3. Meningkatkan kefahaman tentang keperluan menganalisa maklumat kewangan perniagaan.

Dengan perancangan segmen yang diatur ini membolehkan peserta mengetahui tentang asas perakaunan yang perlu dibuat jika menjalankan satu perniagaan. Seminar ini mendedahkan cara yang betul dan asas yang perlu ada dalam merekod perakaunan mereka. Ini mendedahkan kepada usahawan adakah proses yang mereka laksanakan sebelum ini samada betul atau tidak. Dokumen perniagaan apa yang perlu ada dan disimpan oleh setiap usahawan juga diajar.



Proses pemfailan dokumen yang penting juga ditekankan dalam program ini. Usahawan perlulah cakna dan mempraktikkan dokumentasi dengan betul kerana jika tidak disimpan seeloknya, risiko hilang mahupun musnah tanpa disedari amatlah tinggi. Penekanan kepada usahawan yang hadir juga untuk merekodkan maklumat kewangan di dalam komputer dengan menggunakan sistem yang mudah, contohnya seperti Excel juga disarankan. Kebanyakan peserta yang hadir tidak mempraktikkan teknologi dalam merekod urusan jualan mahupun kewangan mereka. Di mana sebelum ini, kebanyakan usahawan tidak menggunakan konsep perakaunan yang sebetulnya. Kesan daripada ini, kebanyakan rekod perniagaan yang penting telah hilang. Rekod yang tidak sempurna akan menyukarkan usahawan untuk melihat kepada prestasi kewangan dari mula perniagaan itu beroperasi.

Selain daripada itu, dengan menghadiri program ini usahawan dapat mempelajari pengurusan kewangan yang lengkap dan lebih teratur. Menilai kewangan perniagaan adalah penting tetapi dianggap suatu yang tidak perlu dipedulikan. Untuk perniagaan mampu berdaya saing di pasaran, analisa kewangan perniagaan perlu dipelajari oleh usahawan mahupun bakal usahawan.

Untuk aspek pengurusan aliran tunai pula, selalunya dianggap hanya untuk merekod aliran masuk dan keluar sahaja tetapi sebenarnya ia lebih daripada itu. Usahawan yang hadir hanya merasakan kelancaran perniagaan terletak kepada jualan yang banyak tetapi bukannya pada pengurusan aliran tunai. Aliran tunai yang diurus dengan baik akan memberi positif kepada perniagaan bukan sekadar merekod duit masuk dan keluar sahaja.

Hasil daripada perbincangan dan perkongsian antara usahawan yang hadir, segelintir usahawan ini tidak mempraktikkan rekod perniagaan dengan baik. Ada usahawan yang masih tidak menyediakan dokumen perniagaan yang sewajarnya, dan hanya dibuat di dalam catatan buku rekod peribadi sahaja dan tiada penggunaan sistem yang betul. Selain daripada itu, dengan pengurusan kewangan yang baik akan memberikan kadar pulangan yang tinggi kepada usahawan kerana mereka akan lebih jelas tentang hala tuju perniagaan. Usahawan juga boleh melihat pretasi perniagaan mereka jika merekodkan kewangan dengan lengkap dan jelas. Sebagai contohnya, jika usahawan ingin menambah pembelian mesin dalam perniagaan tanpa mereka mengetahui tahap keupayaan kewangan perniagaan mereka, maka ini membuat satu keputusan yang sukar. Jika ada perakaunan yang lengkap serta teratur, ditambah dengan adanya ilmu menganalisa kewangan perniagaan, usahawan boleh mengetahui adakah ini masa yang terbaik untuk membuat pelaburan aset baru perniagaan mereka.

Perakaunan yang betul dan pengurusan kewangan yang telus memberikan impak besar kepada perkembangan perniagaan. Maklumbalas yang positif diterima bagi kesemua usahawan yang hadir memberi semangat kepada fakulti untuk melaksanakan program sebegini dalam skala yang kecil kerana mudah untuk mengawal dan memberikan tumpuan kepada setiap usahawan yang hadir.

Dengan sedikit bantuan di hulur oleh pihak fakulti, di harap bermanfaat kepada usahawan dalam membuat perubahan kepada pengurusan kewangan mereka. Program yang dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Rembau akan menjadi satu batu loncatan kepada fakulti untuk mendapat rundingan dari usahawan di masa depan.

